

Universiti jangan jadi 'kilang ijazah'

m

KOTA SAMARAHAN 2 Okt. - Tun Dr. Mahathir Mohamad mengingatkan universiti tempatan supaya tidak menjadi kilang yezah yang mengeluarkan tiazah dengan mudah tanpa menentukan kuahti dan mengambil kira keperluan negara.

Menurut bekas Perdana Menteri itu, fenomena sedemikian telah berlaku di negara-negara maju di mana universiti nieryual ijazah.

"Janganlah daJam keghairahan rakyat memiliki ijazah, kita abaikan penguasaan ilmu yang memberi nilai aan makna kepada ijazah dimiliki,* kalanya.

Dr. Mahathir berucap demikian pada majlis penganugerahan Ijazah Kehormat Doktor Kajian Pembangunan kepada beliau oleh Universiti Malaysia Sarawak (Unimns) di sini hari ini.

Katanya, kualiti ilmu yang dikerabangkan oleh universiti amatlah penting, walaupun sukatan ilmu mungkin sama tetapi kualiti mungkin berbeza.

"Kita dap ah ada universiti di negara-negara maju yang terkenal kerana kualiti ilmu yang dikuasai oleh pemegang yazahnya.

"Ada pula universiti tertentu yang pemegang yazahnya meiyadi begitu

terkenal kerana mendapat hadiah-hadiah yang dihormati eeperti Hadiah Nobel dan Iain-Iain hadiah ilmiah," kata beliau.

Selain itu, kata Dr. Mahathir, ilmu yang dituntut juga perlu relevan dengan tugas dan tanggungjawab individu dalam masyarakat.

"Adaiah satu pembaziran apabila kita dapati yang berijazah bekerja sebagai buruh kasar, langsung tidak ada kena mengena dengan ilmu yang ada padanya.

"Adaiah lebih baik jikn mereka yang akan bekeija dalam bidang tertentu memiliki kecekapan yang diperlukan," kata beliau.

Dalam ueapannya juga, Dr. Mahathir berkata, pelajar tidak menghargai masa be lajar ai universiti sebaliknya memberi tumpuan kepada kegiatan lain seperu kononnya berusaha memperbaiki keadaan sosial dan poitik dalam masyarakat.

"Tidaklah salah berusaha untuk kebaikan sosial dan poitik tetapi ini perlu dibuat dengan perbelayaan sendiri.

"Di universiti, pen an tut sama ada yang menibayar yuran atau tidak, dibiayai dengan wane rakyat kerana kepercayaan rakyat oahawa penuntut akan dapat belajar, menguasai ilmu

dan meiyadi warganegara berguna.

"Adaiah satu pembaziran jika penuntut tidak belajar tetapi menghabiskan masa dengan kegiatan lain," katanya.

Tambah beliau, satu fenomena haru yang dapat dilihat di universiti ialah penuntut wanita melebihi penuntut lelaki walaupun peratusan lelaki dan wanita adaiah lebih kurang sama di negara ini.

Kata beliau, satu penyelidikan perlu dijalankan bagi mengetahui apakoh sebabnya dan mencari jalan menanganinya.

"Kita perlu kepada semua tenaga manusia untuk pembangunan negara, kurangnya jumlah lelaki berpelajaran dan berilmu ber b an ding wanita, tetap akan menghalang pembangunan dan mengurangkan kuahti tenaga untuk mem^jukan negara," kata Dr. Mahathir.

Lagipun, kata beliau, ia akan membawa kepada masalah sosial pada masa akan da tang yang akhimya menjadi sukar untuk diatasi.

"Janganlah kita terima keadaan penuntut wanita dan lelaki yang tidak Beimbang peratusannya sebagai satu perkara biasa yang tidak perlu diberikan perhatian berat," katanya.



DR. MAHATHIR menandatangani poster besar yang dibuat sempena lawatan beliau ke Universiti Malaysia Sarawak di Kota Samarahan, semalam.